

Pendamai kemelut parti

BH - 24/4/2006

Kebijaksanaan Tun Ghafar selesaikan krisis MCA akan sentiasa dikenang

KUALA LUMPUR: Pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) menyuarakan rasa terharu mereka mengimbuu kembali sumbangan Tun Ghafar Baba, selaku pemimpin Umno yang banyak membantu mereka ketika menghadapi krisis.

Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting, berkata parti itu tidak akan lupa sumbangan dan bantuan Ghafar dalam membawa kestabilan kepada MCA.

"Tun Ghafar amat dipandang tinggi masyarakat kita yang berbilang kaum, golongan berpendapatan rendah dan semua rakyat.

"MCA amat menghormati beliau kerana sebagai bekas Timbalan Perdana Menteri, beliau membantu menyelesaikan banyak krisis negara, termasuk isu berkaitan masyarakat majmuk.


"Bagi kami, Tun Ghafar adalah pemimpin sebenar bagi semua rakyat Malaysia," katanya.

Tun Ghafar adalah satu-satunya pemimpin Umno yang diberi kepercayaan menerajui MCA sebagai pemangku presiden selama 10 bulan ketika parti berkenaan dilanda krisis akibat perebutan kuasa antara Tan Koon Swan dan Tan Sri Dr Neo Yee Pan pada pertengahan 1980-an.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu menyifatkan Ghafar seorang negarawan, pemimpin politik berpengalaman luas serta suka mengajak kepada perpaduan kaum hingga Allahyarham menjadi 'rakan' kepada semua kerana keprihatinannya terhadap semua kaum.

"Tun Ghafar menjadi aset bagi Umno dan pernah memainkan peranan penting sebagai penasihat kepada masalah parti lain dan kerajaan," katanya.

Menteri Kerjaraya itu berkata, sifat kemanusiaan Tun Ghafar terserlah apabila beliau menukar jolokan kepada pekerja asing daripada 'pendatang haram' kepada 'pendatang



JASA PENDAMAI: Kemelut dalaman MCA yang memuncak pada 1985 hingga menarik perhatian pucuk tertinggi Barisan Nasional menuntut kebijaksanaan Ghafar Baba menyelesaikannya. Gambar fail 30 Januari 1985 menunjukkan pertemuan bersejarah (dari kiri), Datuk Mak Hon Kam; Ghafar; Datin Paduka Rosemary Chong; Datuk Seri (kini Tun) Dr Mahathir Mohamad; Datuk Chin Hon Ngian; Tan Koon Swan; Datuk Dr Neo Yee Pan dan Datuk (kini Tan Sri) Musa Hitam.

tanpa izin'.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, pula menyifatkan Tun Ghafar sebagai contoh terbaik ahli politik yang sentiasa bersedia berkorban untuk negara dan juga parti.

"Saya mengucapkan takziah kepada keluarga Tun Ghafar. Saya mengenali beliau sejak 1972 ketika kami

sama-sama di dalam kerajaan.

"Walaupun selepas bersara pada 1990-an, beliau sentiasa menolong parti apabila BN menghadapi krisis atau masalah," katanya.

Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), Datuk M Kayveas, berkata Tun Ghafar adalah pemimpin sejati dan sentiasa meletakkan kepentingan negara mengatasi segala-galanya, ter-

masuk keluarga sendiri.

Beliau menganggap Tun Ghafar seorang yang unik kerana bekerja dengan empat Perdana Menteri iaitu Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Tan Sri Abdul Taib Mahmud pula, menyifatkan Tun

Ghafar negarawan tulen yang memahami jiwa rakyat akar umbi dan membantu masalah masyarakat.

"Beliau datang daripada satu generasi yang kenal erti kemiskinan. Maka oleh sebab itu, beliau sentiasa berusaha seumur hidup membawa kemakmuran kepada negara khususnya untuk rakyat di luar bandar," katanya.

PETIKAN

"Negara hilang seorang anak bangsa yang banyak berjasa dan tidak pernah melupakan asal usulnya serta sentiasa menjadi ahli politik berjiwa rakyat"

Lim Kit Siang
Ketua Pembangkang

"Dewan Pemuda Pas merakamkan takziah kepada ahli keluarga Allahyarham. Pemergian beliau satu kehilangan besar kepada negara"

Salahuddin Ayub
Ketua Dewan Pemuda Pas

"Saya bagi pihak parti Keadilan mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham yang banyak memberi sumbangan kepada negara dan keharmonian rakyat"

Azmin Ali
Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat